

02/09/1997

## Strategi tingkat daya saing negara

DALAM keghairahan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara, tidak ramai memikirkan strategi bagi mengisi kemerdekaan. Memang betul, laungan merdeka begitu penting untuk memperingati kemerdekaan negara daripada kuasa penjajah, tetapi ia perlu diisi dengan program bermakna. Tanpa program baru yang terancang, kejayaan yang kita nikmati selepas mentadbir negara ini sejak 40 tahun lalu, tidak akan dapat dipertahan. Kejayaan kita akan dimanipulasi orang asing yang boleh membaca kelemahan kita.

Atas kesedaran inilah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat mencari strategi dan pelan baru bagi mengisi kemerdekaan negara pada tahun akan datang. Jika persiapan awal tidak dibuat mulai sekarang bagi menghadapi perubahan dunia, negara pasti sukar bersaing dengan negara yang sudah maju. Untuk itu, kita perlu mempunyai perancangan yang boleh membantu sesama negara jiran kerana ia boleh memastikan kemakmuran berpanjangan.

Hari ini keadaan menunjukkan realiti dalam konteks timbal-balas maklumat secara bebas. Jika kita tidak tahu menggunakan maklumat, kita akan ketinggalan. Tidak guna kita bimbang dengan dominasi Barat jika kita sendiri tidak mempunyai sebarang strategi. Kewujudan Koridor Raya Multimedia adalah strategi awal kita bagi menghadapi persaingan dan ancaman ini. Namun, ia bukanlah jawapan mutlak kerana kita juga menjangkakan pebagai perubahan baru akan muncul yang memerlukan strategi baru pula untuk menanganinya.

Kita mungkin sudah mempunyai beberapa strategi yang sudah dan sedang dilaksanakan. Tetapi, kita juga perlu ingat bahawa nilai sesebuah masyarakat akan berubah. Ia mungkin mendedahkan kita kepada pelbagai manipulasi baru. Kita bimbang seandainya kita belum benar-benar bersedia, keadaan apabila kepentingan negara diketepikan, akan berlaku. Oleh itu, seboleh mungkin kita perlu melakukan sesuatu bagi mengelakkan kita terperangkap dalam apa juga keadaan sekali pun. Dr Mahathir menarik perhatian negara sedang melangkah ke era baru dunia akan mengalami perubahan besar berikutan pembangunan pesat sains dan teknologi khususnya teknologi maklumat, multimedia, komunikasi dan pendekatan globalisasi dalam semua aktiviti manusia.

Bagi rakyat Malaysia, kita seharusnya sedar persaingan untuk maju begitu sengit sekali. Kemakmuran sumber asli semata-mata tidak menjamin kita boleh bersaing. Kita bukan saja perlu menghadapi saingan teknologi malah saingan dalam sektor perdagangan, pertanian, perbankan, perniagaan dan sebagainya. Kita boleh menyediakan tenaga kerja, modal dan sumber asli tetapi jika kita tidak tahu menguruskan faktor ekonomi dan kekuatan yang kita ada dengan baik, ia tidak memberi sebarang makna.

Jika kita mengakui teknologi itu penting untuk masa depan negara, kita harus menerokanya dengan lebih tekun. Jika kita menerima teknologi sebagai satu proses dengan kerajaan menguruskan kemajuan, membuat ujian dan penggunaan teknologi baru yang memberi kesan kepada ekonomi dan sosial, usaha ini haruslah dirancang dengan teliti. Kita memerlukan institusi penyelidikan yang mampu memberi input untuk membolehkan kita unggul dan menjadi negara pencipta alat teknologi baru di dunia.

Kita juga perlu ingat, strategi yang dirumus bukan saja terbatas kepada faktor ekonomi atau teknologi. Kita juga perlu merangka strategi bagi memastikan kestabilan negara terus terjamin. Selepas merdeka kita mempunyai beberapa pegangan yang kukuh hingga hari ini. Ini termasuk dasar

yang jelas dan lengkap dengan matlamat yang boleh diterima umum. Antaranya, kita berjaya menjadikan Rukun Negara sebagai memupuk kesetiaan rakyat, berjaya membuktikan bahawa perpaduan kaum amat penting dalam konteks Malaysia dan terbaru ialah Wawasan 2020. Di sektor ekonomi pula, kerajaan membuktikan dasar penswastaaan dan pengkorporatan Malaysia diterima sebagai strategi yang berjaya.

Bagi menghadapi abad ke-21, Malaysia tidak dapat mengelakkan diri daripada proses globalisasi. Dalam proses ini, kita terdedah kepada unsur sejagat. Kita akui proses globalisasi wujud dengan adanya sistem komunikasi yang lebih cepat dan canggih seperti satelit. Kita berpendapat walaupun kita bersama-sama mengejar kemajuan, kita juga tidak lupa kepada aspek kemanusiaan yang kita anggap begitu penting. Kita tidak mahu keghairahan kita mengejar kemajuan akan menyebabkan kita menjadi manusia rakus. Kita tidak seharusnya mementingkan kekayaan dan mengabaikan aspek kemanusiaan. Oleh itu setiap strategi yang akan dirangka mestilah mempunyai keseimbangan antara kemajuan rohani dan jasmani.

(END)